

26 OCT 1999

Taib-Calon

CALON LANGSUNG BN MUNGKIN BERTANDING DI MAMBONG, KATA TAIB

KUCHING, 26 Okt (Bernama) -- Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Abdul Taib Mahmud hari ini membayangkan kemungkinan meletakkan calon langsung Barisan Nasional (BN) di kawasan parlimen baru Mambong pada pilihan raya umum akan datang.

"Saya tidak nampak masalah tetapi kita tunggu apa pula komen daripada (Datuk Seri) Dr Mahathir (Mohamad)," kata beliau ketika diminta mengulas desas-desus bahawa calon seperti itu akan diletakkan di kawasan berkenaan sebagai kompromi di kalangan empat parti komponen BN.

Abdul Taib yang juga pengerusi BN negeri berkata beliau akan membincangkan perkara itu dengan perdana menteri dan menyerahkan kepada beliau untuk membuat keputusan muktamad.

Formula yang serupa digunakan pada pilihan raya parlimen 1995 apabila calon langsung dari BN, Billy Abit, diletakkan di Hulu Rajang. Abit kemudian menyertai Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) selepas memenangi kerusi itu.

Abdul Taib berkata beliau juga akan menyerahkan kepada Dr Mahathir untuk membuat keputusan mengenai pengagihan kerusi walaupun beliau "mempunyai cadangan yang wajar tentang apa yang diputuskan".

Mengenai pertukaran kerusi di kalangan parti-parti komponen BN, beliau berkata ini tidak perlu kerana semua parti komponen berpuas hati dengan sistem pengagihan sekarang.

Malam tadi, selepas menghadiri mesyuarat Dewan Tertinggi BN, Dr Mahathir, selaku pengerusi BN berkata parti komponen BN boleh bertukar kerusi antara satu sama lain pada pilihan raya umum.

Abdul Taib yakin bahawa sistem itu akan menghasilkan kesan positif kepada BN negeri yang terdiri daripada Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PPB), Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP), PBDS dan Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP).

BN memenangi 26 daripada 28 kerusi parlimen pada pilihan raya parlimen lepas pada 1995.

-- BERNAMA

CJ FAZ